




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**29 Mac 2024
18 Ramadan 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	• 'Pesta' jualan ketam segar bakal lenyap
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Awani	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		17 29.3.2024

Bot pukat tunda rosakkan habitat,ancam nelayan 'Pesta' jualan ketam segar bakal lenyap

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

PEKAN – Keunikan jualan ketam segar terus dari laut di Pengkalan Nelayan Kampung Badong, Merchong, di sini yang menjadi tumpuan sejak sekian lama bakal lenyap akibat aktiviti bot pukat tunda yang terus berleluasa di kawasan perairan tumpuan nelayan kecil itu.

Kewujudan bot pukat tunda bukan sahaja merosakkan habitat ketam yang banyak di kawasan itu, malah memberi kesan signifikan kepada nelayan kecil yang kehilangan hasil dan terbeban akibat pukak yang hilang serta rosak dilanggar bot pukak tunda.

Seorang nelayan, Rozaidy Othman, 47, berkata, keadaan yang berlarutan sejak sekian lama itu menjejaskan lebih 50 nelayan di kawasan itu yang terpaksa menanggung kerugian saban hari.

"Kita sendiri memang tidak mampu membanteras, kalau ter-nampak dan bercakap dengan mereka (kru bot pukak tunda) pun tidak dipedulikan. Aktiviti ini dijalankan siang dan malam.

"Kalau malam memang kami letak lampu, kadangkala mereka ini seperti sengaja melanggar pukak-pukak kami," katanya di sini semalam.

Menurutnya, pada masa ini nelayan tidak dapat menahan pukak di kawasan yang biasanya mempunyai banyak ketam kerana kewujudan bot pukak tunda berkenaan.

Tambahnya, banyak aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa, namun sehingga kini tiada tindakan tuntas yang dilakukan.



NURIATI menunjukkan pukak ketam yang rosak akibat dilanggar bot pukak tunda di Pengkalan Nelayan Kampung Badong, Merchong, Pekan.



SEEKOR ketam yang 'hancur' akibat dilanggar bot pukak tunda.

Nuriati Mustafa, 34, berkata, pada semalam sahaja menyaksikan empat daripada lima pukak yang ditahan di laut bersama

suaminya telah dilanggar bot pukak tunda.

"Sedih dan kecewa sangat, empat daripada lima pukak kena tunda, jualan untuk duit minyak pun tidak cukup, hendak kena buat pukak baharu pula dengan kos RM1,000 satu pukak.

"Apalah nasib kami ini kalau berterusan begini, duit untuk beli baju raya dan persiapan raya anak pun tidak ada lagi," katanya.

Ismail Mohamad, 70, berkata, dahulu dia boleh dapat satu hingga dua tan ketam sehari dan pernah meraih RM16,000 dalam tempoh tiga bulan.

"Bagaimanapun kini semuanya lenyap, hari ini saya hanya dapat enam ekor ketam," ujarnya.